

DISEMBILAH  
2022

Dari Pihak Keseharian

**PKNP**

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PAHANG

# PENGGERAK

EDISI KOMPUTER | [www.pknp.gov.my](http://www.pknp.gov.my)

## YAB. MENTERI BESAR PAHANG MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT KHAS AHLI PERBADANAN PKNP

YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail telah mempengerusikan Mesyuarat Khas Ahli Perbadanan PKNP Bil.3/2022 di Bilik Lem-baga, Kompleks Teruntum pada 27 Disember 2022.

Turut hadir pada mesyuarat ini adalah ahli - ahli perbadanan PKNP, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek.



Upacara memotong pulut kuning sempena ulang tahun penubuhan PKNP ke - 57 tahun

## PKNP RANGKUL EMAS ANUGERAH PENTADBIRAN CEMERLANG SEKTOR PERKHIDMATAN



YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar menerima replika hadiah dari Setiausaha Kerajaan Pahang, YH. Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak.

Kuantan, 29 Disember - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) berjaya merangkul emas bagi Anugerah Pentadbiran Cemerlang (APEC) Sektor Perkhidmatan pada Majlis Penyampaian Anugerah Pahang 1st 2022 yang diadakan di Dewan Bandaraya, Majlis Bandaraya Kuantan.

Malah, PKNP juga berjaya mendapat tempat kedua bagi Anugerah Digital dan turut membawa pulang hadiah saguhati bagi kategori Portal Terbaik.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, anugerah yang diterima pada malam ini merupakan satu penghargaan daripada kerajaan Negeri Pahang kepada seluruh warga kerja PKNP. Malah, pengiktirafan ini akan menjadi pembakar semangat kepada kami

untuk terus memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat.

Anugerah Pahang 1st 2022 diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan insentif kepada Jabatan Negeri, Agensi dan Badan Berkanun di Negeri Pahang bagi prestasi tadbir urus yang cemerlang serta secara tidak langsung sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan awam.

Hadir bersama adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) merangkap Ketua Pegawai Digital PKNP, YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Pengurus Perindustrian, Tuan Haji Md Daud bin Abdul Rahman, Pengurus ICT, Puan Nor Azilah binti Abdul Aziz, Pengurus Pentadbiran & Sumber Manusia, Puan Nooremi binti Musa, Pengurus Unit Pengurusan Kualiti, Risiko dan Integriti, Puan Marlia binti Osman.



PKNP membawa pulang tiga anugerah pada malam Anugerah Pahang 1st 2022

## MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PAJAKAN DI ANTARA PKNP DAN MHT SILICA SDN. BHD.



Majlis Menandatangani Perjanjian disaksikan YAB. Menteri Besar Pahang merangkap Pengurusi PKNP dan Ahli - Ahli Perbadanan PKNP

Kuantan, 27 Disember - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan MHT Silica Sdn. Bhd. (MSSB) telah memeterai Perjanjian Pajakan hari ini bagi tapak seluas 15.00 ekar di Lot 5A, 5B, dan 5C di Kawasan Perindustrian Harbour Park, Tanjung Gelang, Mukim Sungai Karang, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur selama 15 tahun bermula Januari 2023.

Majlis Menandatangani Perjanjian Pajakan tersebut telah disempurnakan oleh YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar, Ketua Pegawai Eksekutif dan Puan Nadiatul Amaleen binti Muhammad Husain Tan, Pengarah Syarikat MSSB. Sesi tersebut turut disaksikan oleh YAB. Menteri Besar Pahang, Dato' Seri Haji Wan Rosdy Wan Ismail.

Projek Pembinaan Kilang Pemprosesan Silika akan dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh enam bulan.

## PKNP BERJAYA MENGEKALKAN PERSIJILAN SEMULA AUDIT MS ISO 9001:2015

Kuantan, 16 Disember - Persijilan Semula Audit MS ISO 9001 : 2015 telah berlangsung dengan jayanya pada 15 & 16 Disember 2022 di antara PKNP dengan SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNP, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah merasmikan Mesyuarat Penutup pada petang 16 Disember 2022 melalui sesi pembentangan laporan audit oleh Ketua Juruaudit, Encik Md Jaafar bin Md Jani dan Juruaudit, Puan Hawa binti Ma'arof.

Hasil pembentangan audit, secara keseluruhan, Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) telah dilaksanakan mengikut keperluan Standard MS ISO 9001 : 2015. Komitmen pengurusan dan dokumentasi SPK juga didapati berada di tahap yang cemerlang.

Negeri Pahang telah dipilih sebagai lokasi seterusnya untuk syarikat MSSB mengembangkan lagi perniagaannya kerana mineral yang terdapat di Negeri Pahang adalah di kalangan gred yang terbaik. Untuk rekod, Syarikat MSSB turut mempunyai kilang pemprosesan silika di Negeri Johor, Kedah dan Perak.

Dengan nilai pelaburan awal sebanyak RM 200 juta, projek ini dijangka akan membuka peluang pekerjaan kepada lebih 1000 orang penduduk tempatan dari peringkat tenaga mahir dan separa mahir, menaikkan taraf ekonomi masyarakat setempat dan menjadikan Negeri Pahang sebagai salah satu pengeluar pasir silika terbaik di dunia.

Dianggarkan jumlah pengeluaran silika adalah di antara 500,000 tan hingga 1 juta tan sebulan serta menjamin pulangan berjumlah RM 30 juta hingga RM 50 juta setahun kepada Negeri Pahang.



Upacara menandatangani perjanjian di Tingkat 16, Kompleks Terunitum



Mesyuarat penutup yang membentangkan hasil penemuan audit pada 16 Disember 2022

Turut hadir adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) YBhg. Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus - Pengurus Bahagian & Unit dan sekretariat terlibat.

## MAJLIS PERSARAAN ANGGOTA PEKERJA PKNP

Kuantan, 8 Disember - Ketua Pegawai Eksekutif, YH. Dato' Mohd Faizal bin Jaafar telah menyempurnakan Majlis Persaraan Anggota Pekerja PKNP di Dewan Utama EDC, Kompleks Teruntum.

Dalam majlis ini dua orang pesara PKNP telah diraikan iaitu Hajah Fatimatuzaharah binti Abdul Shukor dan Haji Abdul Rahaman bin Abd Rani.

Menurut YH. Dato' Mohd Faizal, PKNP sentiasa menghargai dan mengiktiraf jasa dan sumbangan setiap anggota pekerjanya. Kedua-duanya telah banyak menabur bakti kepada PKNP.

Tambah beliau, generasi muda harus mencontohi sikap dan peribadi Hajah Fatimatuzaharah dan Haji Abdul Rahaman terutamanya dalam komitmen yang ditunjukkan terhadap kerja/tugasan yang diamanahkan.

Majlis ini turut dihadiri Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Yang Berbahagia Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan), Encik Mohd Razif bin Abdul Malek, Pengurus - Pengurus Bahagian & Unit serta hampir 120 orang warga kerja PKNP.

Pengurusan dan seluruh anggota pekerja PKNP mengucapkan selamat maju jaya kepada Hajah Fatimatuzaharah dan Haji Abdul Rahaman dalam setiap lapangan yang diceburi.



Haji Abdul Rahaman telah berkhidmat di PKNP selama 40 tahun.



Hajah Fatimatuzaharah telah berkhidmat di PKNP selama 37 tahun

## PROGRAM NAZIRAN PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG KE PKNP



Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) mengabadikan momen bersama Pasukan Naziran SUK

Kuantan, 30 Disember - Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) telah menerima lawatan Pasukan Naziran dari Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

Mesyuarat pembukaan telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan), Datin Hajah Noraskin binti Jamaludin dan dihadiri oleh Pengurus Pentadbiran & Sumber Manusia, Puan Nooremi binti Musa dan Anggota Pekerja Unit Sumber Manusia bersama-sama Pasukan Naziran SUK yang diketuai oleh Puan Husnalrita binti Yussof (Ketua Penolong Setiausaha), Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK Pahang yang diadakan di Bilik Lembaga, Tingkat 16, Kompleks Teruntum, Kuantan.

Program Naziran Pejabat Setiausaha Sumber Manusia Bil.6 tahun 2022 ini bertujuan untuk memastikan jentera pentadbiran di semua agensi kerajaan berjalan dengan cekap dan mengikut peraturan.



Seramai 9 orang pegawai Naziran SUK hadir dalam lawatan pada 30 Disember 2022



## PROGRAM DERMA DARAH



## PRIVATE VIEWING TENUN PAHANG



## PROGRAM DE DAGANG DAN TIK TOK SHOP



## Sidang Redaksi

PENAUNG / PENASIHAT  
Dato' Mohd Faizal bin Jaafar  
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

PENYELARAS PENERBITAN  
Tuan Haji Mohd Ibrahim bin Hashim

KETUA EDITOR  
Encik Mohd Fahmi bin Abdul Ghani

GRAFIK  
Puan Sharifah Nur Yusra binti Tuan Rasli

JURUFOTO  
Encik Muhammad Amjad bin Mohamad Azhar